

Isnin, 22 Julai 2019 | 3:22pm



Saifuddin pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Perundingan Penjaja dan Peniaga Kecil Kebangsaan (M3PK), di KPDNHEP, Putrajaya. - NSTP/Ahmad Irham Mohd Noor

Hanya 2 peratus daripada RM160 juta pinjaman dibayar balik

Oleh Wan Faizal Ismayatim
wfaizal@bh.com.my

PUTRAJAYA: Hanya dua peratus daripada RM160.5 juta jumlah pinjaman oleh penjaja dan peniaga kecil di bawah skim pinjaman dikawal selia Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), dibayar balik sejak 2013.

Ia didedahkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, yang bimbang ia bukan saja akan memberi kesan kepada penjaja lain, malah mungkin menyukarkan usaha mendapatkan dana bagi projek sama pada masa depan.

Sehubungan itu, beliau mahu penelitian dibuat di peringkat kementerian bagi mengenal pasti mengapa ia berlaku, sama ada akibat kegagalan perniagaan atau kurang kecekapan mengurus kewangan.

"Saya kongsi maklumat ini dengan pemimpin persatuan penjaja supaya mereka boleh membantu.

"Kita bimbang apabila Kementerian mengangkat cadangan untuk buat projek sama (skim bantuan) dan nak dapatkan bajet, rekod projek lalu akan diambil kira khususnya oleh Kementerian Kewangan.

"Saya sudah beri arahan kepada pegawai (KPDNHEP) supaya semak rekod siapa pinjam, apa sebab mereka tak bayar dan seterusnya mengambil langkah perlu untuk dapatkan balik," katanya kepada media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perundingan Penjaja dan Peniaga Kecil di sini, hari ini.

Sementara itu, Saifuddin berkata, KPDNHEP menerima positif cadangan syarikat swasta untuk menyediakan perlindungan insurans kepada peniaga dan penjaja kecil, seperti dicadangkan dalam mesyuarat berkenaan.

"Kita setuju supaya syarikat ini meneroka (cadangan perlindungan insurans) dan kerajaan akan terus berikhtiar membantu golongan terbabit," katanya.

Terdahulu, beliau berkata, Mesyuarat Majlis Perundingan Penjaja dan Peniaga Kecil bersetuju supaya pengumpulan data penjaja dan peniaga kecil yang komprehensif melalui kerjasama dan semakan silang data Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dilaksanakan.

Katanya, ini boleh dilaksanakan melalui data lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan penjaja dan peniaga kecil, Saifuddin berkata, Kementerian akan mengadakan Sambutan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Kebangsaan 2019 pada 18 November depan di Kedah.

